

385 penuntut KUTKM terima sijil kepujian

Archival News | Berita Harian | 08/02/2006

SERAMAI 385 pelajar semester dua sesi 2004/2005 Kolej Universiti Teknikal

Kebangsaan Malaysia (KUTKM) menerima Sijil Anugerah Kepujian Dekan pada satu majlis khas di Melaka, baru-baru ini.

Rektor kolej universiti itu, Prof Datuk Ismail Hassan, dalam ucapannya berkata jumlah penerima anugerah kali ini meningkat sekali ganda berbanding 180 pada semester pertama.

Beliau berkata, penganugerahan itu antara lain bertujuan mengekalkan status KUTKM dalam menghasilkan graduan terbaik, selain sebagai tiket pelajar mendapatkan pekerjaan apabila tamat belajar kelak.

"Kejayaan ini selaras dengan sasaran Kementerian Pengajian Tinggi, iaitu 100 pelajar setiap fakulti menamatkan pengajian mereka dengan mendapat ijazah kelas pertama.

"KUTKM bersedia memberi sokongan dan kemudahan bagi membantu pelajar mencapai matalmat itu. Semua kakitangan akademik dan sokongan akan membantu mereka mendapatkan keputusan cemerlang itu," katanya.

Sambil mengingatkan pelajar supaya menguasai bahasa Inggeris, beliau berkata, pengantarabangsaan universiti hanya dapat dicapai jika semua pihak mahir dalam bahasa antarabangsa itu.

Bagi memastikan pelajar mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian pula, Ismail berkata, pihak universiti menubuhkan unit alumni yang berfungsi mengumpul maklumat dan memantau perkembangan graduan.

Katanya, pelbagai kegiatan boleh dianjurkan unit itu seperti penganjuran hari kerjaya dengan mengumpul pelbagai syarikat dan agensi pekerjaan.

(END) Source : Berita Harian